

10 APR 2003

TABUNG KEAMANAN: MAJLIS BELIA SELANGOR SUMBANG RM5,000

SHAH ALAM, 10 April (Bernama) -- Majlis Belia Selangor (MBS) menyumbang RM5,000 kepada Tabung Keamanan Antarabangsa Malaysia bagi membantu rakyat Iraq yang menderita akibat pencerobohan Amerika Syarikat dan sekutunya di negara itu.

Presiden MBS Datuk Abdul Rahman Palil berkata MBS juga meminta semua sembilan MBS daerah dan 16 badan gabungannya membuat kutipan untuk tabung itu mulai hari ini.

"Ini selaras dengan hasrat Majlis Belia Malaysia (MBM) yang bersidang 1 April lepas mengarahkan semua 39 badan gabungannya mengutip sekurang-kurangnya RM250,000.

"Ia akan diserahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada perhimpunan Hari Belia Negara pada 15 Mei depan," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Selain bantuan kewangan, MBS juga menawarkan anggotanya berkhidmat di bawah pasukan sukarelawan MBM yang akan bekerjasama dengan Kumpulan Mercy Malaysia yang kini berada ke Iraq.

Rahman berkata para sukarelawan itu perlu mempunyai latar belakang perubatan dan setakat ini, empat anggota MBS sudah menyatakan kesediaan mereka.

Tabung Keamanan Antarabangsa Malaysia itu ditubuhkan oleh MBM dengan kerjasama pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan organisasi media bagi membantu rakyat Iraq yang menderita akibat pencerobohan tentera bersekutu sejak 20 Mac lepas.

-- BERNAMA

SHS NAK